

Tangani pencemaran sungai dengan tegas

SIKAP sebilangan rakyat Malaysia yang menjadikan sungai sebagai 'tong sampah' mendapat teguran pakar pengurusan air terkemuka dunia, **Prof. Roger A. Falconer** baru-baru ini.


Menurut pakar dari Britain itu, sudah tiba masanya untuk pihak yang bertanggungjawab mengenakan denda yang tinggi kepada pelaku kesalahan itu.

"Memang ramai yang suka buang sampah ke dalam sungai. Itulah yang berlaku di negara saya 20 tahun lalu. Sekarang, kalau orang yang buang sampah itu kena tangkap, kesalahan itu dianggap besar.

"Untuk itu, pihak berkuasa Malaysia perlu bertindak tegas," kata Falconer yang merupakan pakar dalam bidang pengurusan air di Universiti Cardiff, Britain.

Beliau adalah antara 1,150 pakar serta wakil berada di Malaysia dari 61 buah negara menghadiri kongres dunia, Persatuan Antarabangsa bagi Kejuruteraan Hidro Alam Sekitar dan Penyelidikan (IAHR) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur dari 13 hingga 18 Ogos lalu.

Selain pembentangan 772 kajian, sesi forum dan pelbagai mesyuarat teknikal, tumpuan turut diberikan



TABIAT membuang sampah sarap ke dalam sungai harus dikikis dalam kalangan masyarakat. - Gambar hiasan

kepada perkembangan teknologi pengurusan air yang dilaksanakan di Malaysia.

Banjir kilat

Umum mengetahui, Kuala Lumpur amat sinonim dengan isu banjir kilat dan ramai warga kota tentunya masih ingat betapa dahsyatnya banjir besar yang berlaku pada 2003, 2007 dan tahun lalu.

Meskipun program tebatan banjir dan pembinaan Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART) banyak membantu, hakikatnya banjir kilat masih berlaku di bandar raya metropolitan ini.

Meskipun belum 'selamat' sepenuhnya daripada ancaman banjir, usaha serta tindakan yang diambil dalam usaha pengurusan banjir di negara ini tetap mendapat pujian Falconer.

"Usaha yang dibuat untuk menangani masalah banjir di negara ini adalah lebih baik daripada negara lain di dunia. Mereka

boleh belajar dari Malaysia. Sewaktu saya menganjurkan satu sesi wacana beberapa tahun lalu, kami berbincang bagaimana Malaysia mengendalikan hujan lebat.

"Terowong SMART dan sungai diselenggara dengan baik untuk menghadapi banjir berbanding negara lain," tambahnya.

Dalam pada itu, menyentuh isu banjir yang masih menghantui kawasan Pantai Timur, pembangunan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) diharap dapat mengambil kira kepentingan pengguna.

Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Balqis Mohamed Rehan berkata, risiko berlakunya banjir memang tidak dapat dielak tetapi perancangan yang baik boleh meminimumkan kesan daripada kejadian itu.

"Paling utama perkhidmatan tidak terjejas sekiranya berlaku banjir," katanya.

Ketua Pusat Kajian Kejuruteraan dan Pengurusan Sumber Air, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Prof. Madya Dr. Shanker Kumar Sinnakaudan pula berkata, kepentingan masyarakat meliputi impak sosial dan alam sekitar diutamakan dalam pembangunan ECRL.

"Perdana Menteri sendiri

mengambil berat akan impak sosial. Malahan untuk projek kecil pun beliau akan membuat penilaian. Ini adalah mandatori.

"Impak yang dinilai adalah seperti kesan pembangunan kepada penduduk setempat seperti guna tanah dan kesan kepada aktiviti ekonomi sekitar," katanya.

Pemuliharaan ekologi

Selain itu, isu pemuliharaan dan pemuliharaan ekologi turut menjadi topik utama pada kongres ini apabila ia dibangkitkan dalam ucapan dasar **Prof. Dr. Silke Wieprecht** dari Universiti Stuttgart, Jerman.

Wieprecht menekankan bahawa isu mengenai sistem ekologi seperti sungai sering berkait dengan perancangan penggunaan tanah sama ada di negara sedang membangun seperti Malaysia dan Thailand atau negara maju seperti Jerman.

"Pengaruh kegiatan di bahagian hulu sungai seperti perladangan, pembasmian hutan, penggunaan racun perosak di ladang atau menaruh lereng bukit menyebabkan mendapan di dalam sungai.

"Kita perlu memutuskan penggunaan tanah yang sesuai menurut jenis tanaman yang berbeza dan reka bentuk teres di lereng bukit," tambahnya.

Mengakui kesedaran pemuliharaan ekologi sebenarnya masih rendah di seluruh dunia, Wieprecht berkata, di sesetengah tempat di benua yang lain, kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan air sungai hanya wujud apabila keadaan sudah menjadi teruk.

"Kita ambil air minuman dari bawah tanah sebagai alternatif kepada air di permukaan tetapi kini kita mula sedar paras air bawah tanah pula semakin menyusut di seluruh dunia. Bila kita mahu ambil air di permukaan, ia pula terlalu kotor.

"Keadaan ini mungkin tidak dirasakan sangat di Malaysia kerana negara ini banyak hujan," jelasnya. - Bernama



RISIKO berlaku banjir tidak dapat dielakkan tetapi perancangan yang baik boleh meminimumkan kesan kejadian itu. - Gambar hiasan